



SOALAN-SOALAN LAZIM PROGRAM PENUKARAN BAKI AUTOMATIK

1. Apakah Program Penukaran Baki Automatik?

Program Penukaran Baki Automatik BSN adalah program kad kredit yang ditawarkan kepada Pemegang Kad Kredit BSN yang memenuhi kriteria kelayakan bagi menukar baki tertunggak secara automatik kepada ansuran yang lebih kecil pada kadar yang lebih rendah.

Jika baki penyata tertunggak anda sampai pada amaun minimum RM1,000, ia akan ditukarkan menjadi pelan ansuran pada 7.1% setahun (kadar rata) bersamaan dengan 13% setahun (yuran pengurusan efektif) selama 36 bulan.

Secara alternatif, anda boleh memilih keluar dari program ini. Sila rujuk S7 jika anda ingin berbuat demikian.

2. Apakah manfaat Program Penukaran Baki Automatik?

Manfaat Program Penukaran Baki Automatik ialah:

- Kadar yuran pengurusan yang lebih rendah berbanding dengan kadar yuran pengurusan biasa pada baki penyata tertunggak kad kredit anda.
- Proses penukaran yang mudah, anda akan didaftarkan secara automatik ke dalam Program Penukaran Baki Automatik dan baki tertunggak anda akan ditukarkan kepada pelan ansuran bulanan pada kadar yuran pengurusan yang lebih rendah.
- Tiada yuran pemprosesan semasa penukaran ke pelan ansuran bulanan.
- Tiada yuran penamatan, fleksibiliti untuk menyelesaikan pelan ansuran anda dengan lebih awal tanpa dikenakan bayaran tambahan.
- Fleksibiliti untuk memilih keluar dari setiap tawaran penukaran.

3. Bagaimakah caranya untuk saya layak menyertai program Penukaran Baki Automatik ini?

Anda layak untuk program Penukaran Baki Automatik selepas memenuhi kriteria kelayakan berikut:

- a) Warganegara: Malaysia;
- b) Pendapatan bulanan tidak melebihi RM5,000 (mengikut rekod pendapatan terkini anda dengan BSN);
- c) Nisbah purata pembayaran tidak melebihi 10% dari baki tertunggak sepanjang 12 bulan yang lalu; (Nisbah pembayaran: jumlah pembayaran sepanjang 12 yang lalu / jumlah baki penyata selama 12 bulan yang terakhir)
- d) Baki minimum penyata tertunggak melebihi RM1,000; dan
- e) Akaun pemegang kad adalah terkini dan tidak bermasalah.

Kelayakan akan dinilai setiap tahun.

4. Bagaimana cara untuk menyertai program Penukaran Baki Automatik?

Anda akan didaftarkan secara automatik ke dalam program ini apabila memenuhi kriteria kelayakan setiap 12 bulan. Pemegang Kad yang layak akan dimaklumkan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS").

Pemegang Kad yang layak boleh memilih untuk dikecualikan dari program ini dengan memilih keluar.

5. Bagaimakah Penukaran Baki Automatik berfungsi dan bilakah penukaran itu berlaku?

- Penukaran Baki Automatik anda akan bermula selepas pendaftaran yang akan dimaklumkan kepada anda menerusi SMS ke normbor telefon berdaftar anda dengan BSN.
- Baki tertunggak pada penyata kad kredit anda akan disemak pada tarikh penyata anda untuk mengenal pasti jika ia memenuhi kriteria minimum untuk penukaran.
- Jika baki penyata tertunggak anda (tidak termasuk bayaran yang dibuat) memenuhi kriteria minimum RM1,000, ia akan ditukar kepada pelan ansuran pada kadar yuran pengurusan 13% setahun selama 36 bulan.

- Pembayaran bulanan anda akan dipaparkan pada penyata kad kredit anda.

Untuk memudahkan pemahaman, sila rujuk pada jadual di bawah untuk aliran penukaran:

Aktiviti	Tarikh
Tarikh pendaftaran	8 Januari
Pemberitahuan SMS (pendaftaran & pilihan memilih keluar)	9 Januari
Tarikh penukaran	8 Februari
Pemberitahuan SMS (penukaran)	9 Februari

6. Apakah yang akan terjadi jika saya tidak memenuhi syarat had minimum RM1,000 baki penyata tertunggak bulanan atau kriteria kelayakan pada bulan penaksiran?

Penaksiran Baki Automatic tidak akan dilakukan. Penaksiran semula akan dilakukan pada 12 bulan seterusnya.

7. Bagaimana cara untuk saya memilih keluar dari program Penukaran Baki Automatic?

Anda boleh memilih keluar dari Program Penukaran Baki Automatic dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di talian 1300 88 1900 dalam tempoh yang tertera di dalam SMS.

8. Bolehkah saya membatalkan pelan pembayaran ansuran selepas penukaran baki?

Ya, anda boleh membatalkan pelan anda dalam **tempoh 30 hari** dari tarikh penukaran tanpa yuran penamatan. Ini hanya terpakai untuk penukaran bagi kali pertama. Jika anda membatalkan pelan ansuran selepas 30 hari tempoh bertenang, anda perlu perlu membayar balik jumlah Penukaran Baki Automatic sepenuhnya.

Untuk penukaran seterusnya, jika anda memilih untuk membatalkan pelan ansuran selepas penukaran berlaku, anda perlu membayar baki tertunggak penyata secara sepenuhnya bagi permohonan pembatalan. Untuk membatalkan pelan pembayaran ansuran Penukaran Baki Automatic, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di talian 1300 88 1900.

9. Apakan akan berlaku jika saya membuat keputusan untuk menyelesaikan sepenuhnya Pelan Penukaran Baki Automatic sebelum tempoh matang?

Anda boleh membuat penyelesaian awal pelan ansuran Penukaran Baki Automatic pada bila-bila masa tanpa perlu membayar yuran penamatan awal dengan menghubungi kami di talian 1300 88 1900 atau e-mel ke customercare@bsn.com.my.

Untuk membuat penyelesaian awal, anda perlu membayar baki keseluruhan jumlah ansuran Penukaran Baki Automatic termasuk jumlah prinsipal yang tertunggak dan yuran pengurusan sepenuhnya.

10. Apakah tanggungjawab bulanan saya selepas Penukaran Baki Automatic berjaya?

Jumlah ansuran bulanan Penukaran Baki Automatic mesti dibayar secara penuh setiap bulan, kadar efektif yuran pengurusan adalah 13% setahun dan tempohnya adalah 36 bulan. Bayaran ansuran pertama (termasuk ansuran prinsipal dan yuran pengurusan) akan ditunjukkan dalam penyata kad kredit seterusnya.

11. Apakah yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab bulanan saya?

Jika anda gagal untuk membayar ansuran bulanan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh pembayaran perlu dibayar, yuran pengurusan seperti kadar bertingkat sedia ada dan Ta'widh (caj ganti rugi pada pembayaran lewat) sebanyak 1% daripada jumlah tertunggak seperti tarikh penyata atau minimum RM10, yang mana lebih tinggi, sehingga maksimum RM100 akan dikenakan.

Jika anda tidak dapat membayar pelan ansuran Penukaran Baki Automatik sepenuhnya selama 2 bulan berturut-turut, ansuran anda akan dibatalkan dan anda perlu menjelaskan jumlah tertunggak sepenuhnya.

12. Apakah yang akan terjadi pada had kemudahan kad kredit saya selepas Penukaran Baki Automatik berjaya?

Sejurus Penukaran Baki Automatik berjaya, jumlah tukaran akan menggunakan had kemudahan kad kredit sedia ada anda. Setiap bayaran ansuran bulanan yang dibayar akan dikembalikan secara tambahan kepada had kemudahan kad kredit sedia ada anda atau sepenuhnya apabila Penukaran Baki Automatik dibayar sepenuhnya.

13. Bolehkah saya memilih tempoh pembayaran balik bagi program ini?

Tidak. Tempoh pembayaran balik bagi Program Penukaran Baki Automatik ini hanya ditawarkan untuk tempoh 36 bulan

14. Apakah yang akan terjadi jika saya menaik taraf/menurun taraf kad sedia ada saya?

Pelan ansuran Penukaran Baki Automatik anda akan dipindahkan ke kad baru anda selepas menaik taraf/menurun taraf kad. Anda perlu mengaktifkan kad baru untuk membolehkan pemindahan pelan ansuran Penukaran Baki Automatik.

15. Apakah yang akan terjadi jika saya menukar kad saya?

a) Dari Kad Kredit BSN (konvensional) kepada Kad Kredit Al-Aiman BSN (Islamik)

Anda dikehendaki untuk menyelesaikan lebih awal jumlah pelan ansuran Penukaran Baki Automatik sepenuhnya sebelum menukar Kad Kredit BSN (konvensional) kepada Kad Kredit Al-Aiman BSN (Islamik).

b) Dari Kad Kredit Al-Aiman BSN (Islamik) kepada Kad Kredit BSN (konvensional)

Anda dikehendaki untuk menyelesaikan lebih awal jumlah pelan ansuran Penukaran Baki Automatik sepenuhnya sebelum menukar Kad Kredit Al-Aiman BSN (Islamik) kepada Kad Kredit BSN (konvensional).

16. Apakah yang akan berlaku jika saya membatalkan kad kredit saya?

Sejurus pembatalan kad kredit anda, pelan pembayaran ansuran Penukaran Baki Automatik anda akan ditamatkan dan anda perlu membayar balik jumlah prinsipal yang belum dijelaskan sepenuhnya.